



22 Januari 2016  
22 January 2016  
P.U. (A) 9

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN VETERAN  
(PENDAFTARAN VETERAN DAN PENDAFTARAN  
PERSATUAN VETERAN) 2016

*VETERANS (VETERANS REGISTRATION AND VETERANS  
ASSOCIATIONS REGISTRATION) REGULATIONS 2016*



DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA VETERAN 2012

PERATURAN-PERATURAN VETERAN (PENDAFTARAN VETERAN DAN PENDAFTARAN  
PERSATUAN VETERAN) 2016

---

SUSUNAN PERATURAN

---

BAHAGIAN I  
PERMULAAN

Peraturan

1. Nama
2. Tafsiran
3. Fi yang ditetapkan
4. Borang

BAHAGIAN II  
PENDAFTARAN VETERAN

5. Permohonan pendaftaran
6. Pemberitahuan keputusan

BAHAGIAN III  
PENDAFTARAN PERSATUAN VETERAN

7. Permohonan pendaftaran
8. Pengakuteraan penerimaan permohonan
9. Perakuan pendaftaran
10. Pemberitahuan keputusan
11. Permohonan oleh persatuan veteran berdaftar bagi menubuhkan cawangan
12. Pemberitahuan pembatalan atau penggantungan
13. Persatuan veteran atau cawangan untuk mengemukakan dokumen

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

AKTA VETERAN 2012

PERATURAN-PERATURAN VETERAN  
(PENDAFTARAN VETERAN DAN PENDAFTARAN PERSATUAN VETERAN) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 24(2)(b) Akta Veteran 2012 [*Akta 740*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

BAHAGIAN I  
PERMULAAN

**Nama**

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Veteran (Pendaftaran Veteran dan Pendaftaran Persatuan Veteran) 2016**.

**Tafsiran**

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini—

“Borang” ertinya borang yang berkenaan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua;

“pemegang jawatan utama”, berhubung dengan sesuatu persatuan veteran, ertinya mana-mana orang yang melaksanakan fungsi presiden, pengerusi, timbalan presiden, timbalan pengerusi, naib presiden, naib pengerusi, bendahari atau setiausaha, sama ada dikenali dengan nama itu atau tidak.

**Fi yang ditetapkan**

3. (1) Fi yang kena dibayar di bawah Peraturan-Peraturan ini hendaklah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

(2) Fi yang disebut dalam Jadual Pertama hendaklah dibayar secara tunai atau dalam bentuk cek jurubank, kiriman wang pos atau kiriman wang yang dibayar kepada Pendaftar.

- (3) Pendaftar hendaklah mengaku terima fi itu.

**Borang**

4. Borang yang disenaraikan dalam Jadual Kedua hendaklah digunakan bagi maksud yang disebut dalam Peraturan-Peraturan ini.

BAHAGIAN II  
PENDAFTARAN VETERAN

**Permohonan pendaftaran**

5. Tiap-tiap permohonan bagi pendaftaran seseorang veteran di bawah seksyen 9 Akta hendaklah dibuat kepada Pendaftar dalam dua salinan dalam Borang 1 dan setiap salinan hendaklah ditandatangani oleh pemohon.

**Pemberitahuan keputusan**

6. Pendaftar hendaklah memberitahu keputusannya yang menolak untuk mendaftarkan mana-mana veteran di bawah Akta dalam Borang 2.

BAHAGIAN III  
PENDAFTARAN PERSATUAN VETERAN

**Permohonan pendaftaran**

7. (1) Tiap-tiap permohonan bagi suatu pendaftaran persatuan veteran di bawah seksyen 13 Akta hendaklah dibuat kepada Pendaftar dalam enam salinan dalam Borang 3 bersama dengan fi yang ditetapkan dan setiap salinan hendaklah ditandatangani oleh dua orang pemegang jawatan utama persatuan itu.

(2) Tiap-tiap permohonan bagi pendaftaran hendaklah disertai dengan—

(a) suatu sampul surat berselem yang beralamat sendiri bersama dengan pengakuteraan penerimaan dalam Borang 4;

- (b) enam salinan senarai pemegang jawatan utama persatuan veteran yang mengandungi butir-butir yang berikut:
- (i) nama, termasuk nama samaran jika ada, nombor kad pengenalan, nombor kad veteran, tarikh lahir, tempat lahir, alamat rumah dan pekerjaan pemegang jawatan utama, jika bekerja; dan
  - (ii) nama dan alamat majikan pemegang jawatan utama, jika bekerja; dan
- (c) enam salinan perlembagaan atau kaedah-kaedah persatuan veteran dalam bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris dan setiap salinan hendaklah diperakui oleh dua orang pemegang jawatan utama persatuan veteran itu.

#### **Pengakuteraan penerimaan permohonan**

8. Pendaftar hendaklah menghantar kepada persatuan veteran suatu pengakuteraan penerimaan dalam Borang 4 apabila menerima suatu permohonan di bawah peraturan 7.

#### **Perakuan pendaftaran**

9. Perakuan pendaftaran yang dikeluarkan oleh Pendaftar di bawah seksyen 16 Akta hendaklah dalam Borang 5.

#### **Pemberitahuan keputusan**

10. Pendaftar hendaklah memberitahu keputusannya yang menolak untuk mendaftarkan mana-mana persatuan veteran di bawah seksyen 14 Akta dalam Borang 6.

**Permohonan oleh persatuan veteran berdaftar bagi menubuhkan cawangan**

11. (1) Tiap-tiap permohonan oleh sesuatu persatuan veteran berdaftar untuk menubuhkan suatu cawangan hendaklah dibuat dalam Borang 7 bersama dengan fi yang ditetapkan.

(2) Tiap-tiap permohonan yang disebut dalam peraturan ini hendaklah dibuat dalam empat salinan dan setiap salinan hendaklah ditandatangani oleh dua orang pemegang jawatan utama persatuan veteran berdaftar itu.

(3) Pendaftar hendaklah memberitahu keputusannya yang menolak untuk mendaftarkan mana-mana cawangan persatuan veteran berdaftar di bawah Akta dalam Borang 8.

**Pemberitahuan pembatalan atau penggantungan**

12. Pendaftar hendaklah memberitahu keputusannya untuk membatalkan atau menggantung pendaftaran sesuatu persatuan veteran berdaftar di bawah seksyen 18 Akta dalam Borang 9.

**Persatuan veteran atau cawangan untuk mengemukakan dokumen**

13. Pendaftar boleh pada bila-bila masa melalui notis yang ditandatanganinya memerintahkan mana-mana persatuan veteran atau mana-mana cawangannya untuk mengemukakan untuk pemeriksaannya—

(a) dokumen hakmilik bagi apa-apa harta yang dipegang oleh persatuan veteran itu;

(b) semua atau mana-mana buku akaunnya;

(c) minit atau rekod prosiding lain dalam mesyuarat agung tahunan persatuan veteran itu atau cawangan atau mana-mana jawatankuasa atau badan pengelola persatuan itu atau cawangannya; atau

- (d) apa-apa dokumen lain yang disimpan atau diselenggara oleh persatuan veteran itu atau cawangannya.

JADUAL PERTAMA  
FI  
[Peraturan 3]

Butiran	Perihal	Fi (RM)
1.	Permohonan pendaftaran [peraturan 7]	100.00
2.	Permohonan bagi kelulusan apa-apa penukaran nama atau tempat urusan atau apa-apa pindaan kaedah-kaedah sesuatu persatuan veteran berdaftar	20.00
3.	Permohonan di bawah Akta bagi kelulusan untuk menubuhkan sesuatu cawangan persatuan veteran berdaftar [subperaturan 11(1)]	50.00
4.	Permohonan bagi suatu salinan terperaku suatu dokumen yang diberikan kepada sesuatu persatuan veteran berdaftar oleh Pendaftar	10.00 bagi tiap-tiap salinan
5.	Bagi membuat salinan terperaku mana-mana dokumen yang difailkan di bawah Akta	2.00 bagi tiap-tiap salinan
6.	Permohonan bagi maklumat mengenai nama atau alamat sesuatu persatuan veteran berdaftar	5.00
7.	Bagi memproses sesuatu rayuan terhadap pembatalan atau penggantungan [seksyen 19 Akta]	50.00

JADUAL KEDUA  
BORANG  
[Peraturan 4]

Butiran	Perihal	Borang
1.	Permohonan pendaftaran veteran [peraturan 5]	Borang 1
2.	Pemberitahuan keputusan [peraturan 6]	Borang 2
3.	Permohonan pendaftaran persatuan veteran [peraturan 7]	Borang 3
4.	Pengakuteraan penerimaan permohonan [peraturan 8]	Borang 4
5.	Perakuan pendaftaran [peraturan 9]	Borang 5
6.	Pemberitahuan keputusan [peraturan 10]	Borang 6
7.	Permohonan bagi menubuhkan cawangan [peraturan 11]	Borang 7
8.	Pemberitahuan penolakan [subperaturan 11(3)]	Borang 8
9.	Pemberitahuan pembatalan atau penggantungan [peraturan 12]	Borang 9
10.	Permohonan menjalankan aktiviti veteran [seksyen 10 Akta]	Borang 10

Dibuat 29 Oktober 2015  
[KP/UNDG/502/13-e(19); PN(PU2)727]

DATO' SERI HISHAMUDDIN TUN HUSSEIN  
*Menteri Pertahanan*

VETERANS ACT 2012

VETERANS (VETERANS REGISTRATION AND VETERANS ASSOCIATIONS  
REGISTRATION) REGULATIONS 2016

---

ARRANGEMENT OF REGULATIONS

---

PART I

PRELIMINARY

Regulation

1. Citation
2. Interpretation
3. Prescribed fees
4. Forms

PART II

REGISTRATION OF VETERANS

5. Application for registration
6. Notification of decision

PART III

REGISTRATION OF VETERANS ASSOCIATIONS

7. Application for registration
8. Acknowledgement of receipt of application
9. Certificate of registration
10. Notification of decision
11. Application by registered veterans association for establishment of branch
12. Notification of revocation or suspension
13. Veterans association or branch to produce documents

FIRST SCHEDULE

SECOND SCHEDULE

VETERANS ACT 2012

VETERANS (VETERANS REGISTRATION AND VETERANS ASSOCIATIONS  
REGISTRATION) REGULATIONS 2016

IN exercise of the powers conferred by paragraph 24(2)(b) of the Veterans Act 2012 [Act 740], the Minister makes the following regulations:

PART I  
PRELIMINARY

**Citation**

1. These regulations may be cited as the **Veterans (Veterans Registration and Veterans Associations Registration) Regulations 2016**.

**Interpretation**

2. In these Regulations—

“Form” means the appropriate form set out in the Second Schedule;

“principal office bearer”, in relation to a veterans association, means any person who performs the function of a president, chairman, deputy president, deputy chairman, vice-president, vice-chairman, treasurer or secretary, whether known by any such name or not.

**Prescribed fees**

3. (1) The fees payable under these Regulations shall be prescribed in the First Schedule.

(2) The fees mentioned in the First Schedule shall be payable in cash or in the form of bankers cheque, postal order or money order made payable to the Registrar.

- (3) The Registrar shall acknowledge receipt of the fee.

**Forms**

4. The forms listed in the Second Schedule shall be used for the purposes mentioned in these Regulations.

PART II  
REGISTRATION OF VETERANS

**Application for registration**

5. Every application for a registration of a veteran under section 9 of the Act shall be made to the Registrar in two copies in Form 1 and each copy shall be signed by the applicant.

**Notification of decision**

6. The Registrar shall notify his decision in refusing to register any veteran under the Act in Form 2.

PART III  
REGISTRATION OF VETERANS ASSOCIATIONS

**Application for registration**

7. (1) Every application for a registration of a veterans association under section 13 of the Act shall be made to the Registrar in six copies in Form 3 together with the prescribed fee and each copy shall be signed by two principal office bearers of the association.

(2) Every application for registration shall be accompanied by—

(a) a self-addressed stamped envelope together with an acknowledgement of receipt in Form 4;

- (b) six copies of the list of principal office bearers of the veteran association containing the following particulars:

  - (i) names, including assumed names if any, identity card numbers, veteran card number, dates of birth, places of birth, home addresses and occupations of the principal office bearers, if working; and
  - (ii) names and addresses of employers of the principal office bearers, if working; and
- (c) six copies of the constitution or rules of the veteran association in Malay language or English language and each copy shall be certified by two principal office bearers of the veterans association.

**Acknowledgement of receipt of application**

8. The Registrar shall send to the veterans association an acknowledgement of receipt in Form 4 upon receipt of an application under regulation 7.

**Certificate of registration**

9. The certificate of registration issued by the Registrar under section 16 of the Act shall be in Form 5.

**Notification of decision**

10. The Registrar shall notify his decision in refusing to register any veterans association under section 14 of the Act in Form 6.

**Application by registered veterans association for establishment of branch**

11. (1) Every application by a registered veterans association to establish a branch shall be made in Form 7 together with the prescribed fee.

(2) Every application mentioned in this regulation shall be made in four copies and each copy shall be signed by two principal officer bearers of the registered veterans association.

(3) The Registrar shall notify his decision in refusing to register any branch of a registered veterans association under the Act in Form 8.

**Notification of revocation or suspension**

12. The Registrar shall notify his decision to revoke or suspend the registration of a registered veterans association under section 18 of the Act in Form 9.

**Veterans association or branch to produce documents**

13. The Registrar may at any time by notice under his hand order any veterans association or any of its branch to produce for his inspection—

- (a) the documents of title for any property held by the veterans association;
- (b) all or any of its books of account;
- (c) the minutes or other records of the proceedings in its annual general meeting of such veterans association or branch or of any committee or governing body of such association or branch; or
- (d) any other document kept or maintained by such veterans association or branch.

FIRST SCHEDULE  
FEES  
[Regulation 3]

Item	Description	Fee (RM)
1.	Application for registration [regulation 7]	100.00
2.	Application for the approval of any change of name or place of business or of any amendment of the rules of a registered veteran association	20.00
3.	Application under the Act for the approval of the establishment of a branch of a registered veteran association [subregulation 11(1)]	50.00
4.	Application for a certified copy of a document furnished to a registered veteran association by the Registrar	10.00 for every copy
5.	For the making of certified copies of any document filed under the Act	2.00 for every copy
6.	Application for information of the name or address of a registered veteran association	5.00
7.	For the processing of an appeal on revocation or suspension [section 19 of the Act]	50.00

SECOND SCHEDULE  
FORMS  
[Regulation 4]

Item	Description	Form
1.	Veterans registration application [ <i>regulation 5</i> ]	Form 1
2.	Notification of decision [ <i>regulation 6</i> ]	Form 2
3.	Veterans association registration application [ <i>regulation 7</i> ]	Form 3
4.	Acknowledgement of receipt of application [ <i>regulation 8</i> ]	Form 4
5.	Certificate of registration [ <i>regulation 9</i> ]	Form 5
6.	Notification of decision [ <i>regulation 10</i> ]	Form 6
7.	Application for establishment of a branch [ <i>regulation 11</i> ]	Form 7
8.	Notification of refusal [ <i>subregulation 11(3)</i> ]	Form 8
9.	Notification of revocation or suspension [ <i>regulation 12</i> ]	Form 9
10.	Application to carry out veteran activity [ <i>section 10 of the Act</i> ]	Form 10

Made 29 October 2015  
[KP/UNDG/502/13-e(19); PN(PU2)727]

DATO' SERI HISHAMUDDIN TUN HUSSEIN  
*Minister of Defence*